



Saturday, April 6, 2013

## Makam Al-Marhum Raja Alang Sudah Dibaik Pulih

06 April 2013, Sabtu :-

Petang tadi selepas Solat Zohor, Syah ke Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur untuk melihat kubur-kubur yang musnah dihempap pokok akibat ribut yang melanda Kuala Lumpur beberapa minggu lepas termasuk kubur Allahyarham Tan Sri P.Ramlee atau nama sebenarnya Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Putih. Memang sedih melihat kubur-kubur yang sudah musnah sepenuhnya atau sebahagian dan jika hendak dibina semula iannya memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun hati Syah berasa agak gembira apabila melihat makam Al-Marhum Raja Alang telah dibaik pulih. Dari jauh lagi Syah berasa hairan kerana ternampak binaan putih melepas berdiri hebat ditengah-tengah Tanah Perkuburan Jalan Ampang. Rupa-rupanya Makam Al-Marhum Raja Alang dan beberapa makam kerabatnya sudah dibaik pulih.



Beginilah rupanya Makam Al-Marhum Raja Alang yang telah dibaik pulih. Adakah anda tahu siapakah Al-Marhum Raja Alang? Ok ..... setiap menjelang bulan Ramadhan, orang ramai akan bertumpu ke kawasan pasar Ramadhan kan? Di Kuala Lumpur antara pasar Ramadhan yang terkenal adalah Pasar Ramadhan di Jalan Raja Alang berhampiran Chow Kit Road dan Kampung Baru. Tun Dr Mahathir Mohamed tidak ketinggalan sekali sekala mengunjungi pasar Ramadhan ini setiap kali tibanya bulan puasa. Inilah dia makam individu yang bernama Raja Alang itu. Karung plastik berhampiran makam ini mungkin bahan yang digunakan untuk mencuci batu mamar yang telah berlumut menjadi putih. Mungkin mereka baru sahaja melakukan proses baik pulih ini.

Nuffnang Ads

Penulis Blog



Shout Box

-OUTMIX.CO

Related searches

Ai Chat Bot

Open Ai C... ▾

ShoutMix chat widget

Blog Archive


- 2020 (1)
- 2019 (3)
- 2018 (2)
- 2017 (11)
- 2016 (41)
- 2015 (100)
- 2014 (214)
- ▼ 2013 (551)
  - December (29)
  - November (28)
  - October (34)
  - September (46)
  - August (26)
  - July (59)
  - June (65)
  - May (50)



Gambar diatas adalah makam yang telah dibaik pulih manakala dibawah adalah gambar makam yang belum dibaik pulih. Makam ini telah terlalu lama rosak kerana dihempap oleh pokok dan tiada siapa yang mau membaik pulih mungkin kerana kosnya yang agak tinggi. Syah ziarah makan ini semenjak tahun 1990an lagi dan keadaan makam ini memang sudah rosak dan tak pasti semenjak bila iannya dihempap pokok. Syah rasa apa yang dibuat sekarangpun sudah mencukupi dan memadai walaupun tidak dibaik pulih sepenuhnya. Serpihan batu yang telah pecah di tingkat ketiga telah diletakkan semula dan hanya tinggal satu batu nisan sahaja dan Syah tak pasti yang satu lagi dimana? Mungkin telah pecah atau diambil orang. Batu nesan yang adapun telah pecah dua.



Syah bertanya kepada kakitangan Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang mengenai siapakah yang membaik pulih makam Al-Marhum Raja Alang tetapi mereka tidak tahu dan cuma memaklumkan kepada Syah bahawa ada orang datang buat kerja membersih dan baik pulih makam berkenaan.



Pandangan Makam dari bahagian hadapan.

Utusan Malaysia Online pada 07 April 2012 menyatakan nama asal Jalan Raja Alang sebelum merdeka adalah Perkins Road. Jalan itu telah dinamakan semula dan diberi nama Jalan Raja Alang selepas kemerdekaan oleh anak kepada Al-Marhum Raja Alang iaitu Dato' Raja Mohamed yang merupakan seorang pembesar dan Ahli Dewan Diraja Selangor yang bergelar Engku Orang Kaya Mahu Bijaya Kuala Lumpur. Beliau telah diberi penghormatan untuk memberi nama kepada jalan berkenaan atas jasa-jasa beliau memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun beliau tidak menggunakan nama beliau sendiri pada jalan berkenaan supaya tidak mahu anak cucunya berperasaan riak lalu mengambil keputusan menggunakan nama Ayahandanya, Raja Alang. Tidak banyak yang diketahui mengenai Al-Marhum Raja Alang dari keturunan Raja Mendinging ini tetapi tetakat yang diketahui Al-Marhum merupakan antara orang Melayu terkaya di Selangor pada tahun 1880an. Tidak hairanlah makamnya sebegini indah dan unik mengikut statusnya dalam masyarakat ketika itu.

▼ April (47)

Penampilan Pertama Raja

Belanda Di Beranda Istana ...

Istiadat Pemasyhuran Raja

Belanda Berlangsung Hari...

Dari Putera Mahkota Kepada Raja  
Belanda

Tunku Abdul Rahman Rasmikan  
Perkampung Orang Asli...

Buku Istana Negara Menjadi Milik  
Syah

Selamat Menyambut Hari  
Ulangtahun Keputeraan Yang

...

Majlis Kesyukuran dan Doa  
Selamat Sempena Ulang Ta...

Sultan Johor Dianugerahkan  
D.K.1 Terengganu

Sultan Iskandar Berangkat Pulang  
Ke Johor Setelah ...

Hari Ulangtahun Keputeraan Syah

Almarhum Sultan Abu Bakar  
(Johor) Melawat Turki

Gambar Terbaru Bekas Raja  
Permaisuri Agong Ke-11, ...

Orang Kaya Bendahara Seri  
Maharaja Tun Syed Zahru...

Majlis Tahliil dan Bacaan Yasin  
Sempena 100 Hari Ke...

Sultan Brunei Tinjau Persiapan  
Asian Summit Kali K...

Majlis Tahliil & Bacaan Yasin  
Sempena 100 Hari Kema...

Hari Keputeraan Sultan Perak  
Yang Ke-85

Sultan Selangor Ucap Takziah  
Kepada Keluarga Allah...

Baginda Queen Elizabeth II dan  
Duke of Edinburgh H...

Tuanku Mizan Terima Zakat  
Perniagaan Daripada Tabu...

Apakah Tiara Yang Akan  
Digunakan Oleh Crown  
Prince...

Tuanku Zarith Sofiah Ziarahi Asrin  
Harun Di Hospit...

Buku Program Istiadat  
Mengangkat Sumpah Jawatan  
Ya...

Sultan Brunei Berangkat Ke  
Filipina

BLGA Raikan Sambutan Hari  
Ulang Tahun Kelahiran Y...

Maharaja & Maharani Jepun  
Menari

Mengapa Ibu Bapa Crown  
Princess Maxima Tidak  
Dibina...

Crown Princess Princess Maxima  
Bakal Bergelar Iste...

Pengunjung

Tengkusyah.blogspot.com  
Mencapai 500,00...

Muzium Diraja Kedah

Sultan Pahang Sampaikan  
Sumbangan Bagi Pihak FAM

Sultan Pahang Pengerusikan  
Mesyuarat Exco FAM

Queen Elizabeth II Perkenankan  
Pengkebumian Negara...

Gambar Terbaru Kate Middleton  
Yang Dijangka Melahi...



Gambar ini Syah ambil pada hari Sabtu bersamaan 01 Disember 2012 dan beginilah keadaan makam Al-Marhum Raja Alang ketika itu. Shukur Alhamdulillah iannya sudah dibaik pulih.



Syah mengabadikan kenangan bersama runtuhnya makam Al-Marhum Raja Alang di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang. Ketika ini, tingkat yang ketiga binaan telah pecah dan serpihannya anda boleh lihat dihadapan gambar Syah.



Makam Almarhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa yang merupakan Sultan Selangor ke-5 di Makam Diraja Klang, Selangor menyerupai makam Al-Marhum Raja Alang.

Al-Marhum Raja Alang mangkat pada 11 Disember 1927 manakala Almarhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah mangkat pada 01 Mac 1938. Gambar ini Syah ambil pada 02 Februari 2013 sewaktu menziarahi Makam Diraja Klang.

Posted by tengkusyah at 11:04 PM

## No comments:

[Post a Comment](#)

Tunku Ismail Tarik Balik  
Keputusan Letak Jawatan S...

Pengiran Anak Isteri Pengiran  
Anak Hajah Zariah Ra...

Sultan Brunei Adakan Pertemuan  
Dengan Julia Gillar...

Raja Nong Cik Hadiri Majlis  
Penyerahan Kerja dan P...

Makam Al-Marhum Raja Alang  
Sudah Dibaik Pulih

Undang Luak Rembau  
Sumbangkan RM10,000.00  
Kepada T...

Putera Bader bin Abdul Aziz Al-  
Saud Selamat Dimaka...

TMJ Letak Jawatan Sebagai  
Presiden Persatuan Bola ...

Perdana Menteri Mengadap Yang  
di-Pertuan Agong Unt...

Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji  
Abdul Rahman bin H...

Al-Sultan Kelantan Sumbang  
RM80,000.00 Kepada Kelu...

Ketua Pengawal Peribadi Prince  
William & Kate Midd...

Pengiran Muda Mahkota Brunei  
Saksikan Kejohanan Li...

► March (60)

► February (49)

► January (58)

► 2012 (869)

► 2011 (1300)

► 2010 (838)

► 2009 (238)

► 2007 (2)

► 2006 (2)

## MBS Royal Mini Library

[The King & Queen of Malaysia](#)

[Royal & Ruling Houses of Africa, Asia, Oceania and the Americas](#)

[Official Function of Brunei Royal Family](#)

## About Me

[View my complete profile](#)

## Link

[Utusan Malaysia](#)

[Berita Harian](#)

[Harian Metro](#)

[The Star](#)

[New Straits Time](#)

[Sinar](#)

[Brunei News](#)

Members of  
Maharum Bugis  
Syah - A Bugis  
Decendant From

Followers